

Headline	TNB perhebat program pemuliharaan kelip-kelip Kampung Yak Yah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 Jun 2019	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	22
ArticleSize	144 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,538		



## TNB perhebat program pemuliharaan kelip-kelip Kampung Yak Yah

**CHUKAI 18 Jun** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersama komuniti setempat menanam 1,000 pokok berembang, di Kampung Yak Yah, dekat Ibok di sini, bagi memperhebatkan lagi program pemuliharaan koloni kelip-kelip di kampung berkenaan.

Ketua (Perkhidmatan Perlanggan) TNB Terengganu, Mohd. Nazri Puteh berkata, program penanaman pokok di sepanjang 15 kilometer di tebing Sungai Yak Yah itu dilaksanakan pada 1 Mei lalu.

"Pokok berembang adalah habitat semula jadi koloni kelip-kelip, ini akan menggalakkan pembiakkannya dengan lebih cepat."

"Proses pemuliharaan ini bukanlah sesuatu yang mudah, namun ia pasti berjaya, tambahan pula penduduk se-tempat dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di sekitar kawasan ini sudah memberi komitmen untuk menjayakan program ini," katanya dalam majlis sambutan

Aidilfitri TNB bersama ketua-ketua komuniti dan pendayung di Masjid Ibok di sini baru-baru ini.

Sungai Yak Yah adalah antara tiga lokasi yang dipilih TNB untuk pemuliharaan koloni kelip-kelip selain Kampung Dew di Taping, Perak dan Sungai Timun di Rembau, Negeri Sembilan.

Sungai Yak Yah mula menjadi sebutan sekitar tahun 2000, apabila puluhan ribu kelip-kelip menghasilkan cahaya pada waktu malam dan fenomena itu memberi pengalaman istimewa kepada pelancong.

Kemeriah industri pelancongan di Sungai Yak Yah mencapai kemuncaknya pada 2010 dengan kewujudan lebih 30 pendayung untuk membawa pelancong menyusuri sungai itu, sebelum ia perlahan-lahan menjadi suram berikutnya beberapa faktor antaranya penurunan koloni kelip-kelip yang agak ketara.